

Nama: _____

Tingkatan: _____

Markah: _____

GEOGRAFI 942/1

KERTAS 1

(Dua jam)

SMK MERADONG

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA BAHARU

SEMESTER 1 TAHUN 2024

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.

Jawab empat soalan.

Bahagian A: *Jawab soalan 1 dan satu soalan lain sama ada soalan 2 atau soalan 3*

Bahagian B: *Jawab soalan 4 dan satu soalan lain sama ada soalan 5 atau soalan 6.*

Jawapan untuk soalan 1 bagi Bahagian A dan soalan 4 bagi

Bahagian B *hendaklah ditulis dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan ini.*

Untuk kegunaan pemeriksa	
<i>Bahagian A</i>	
1	
2	
3	
<i>Bahagian B</i>	
4	
5	
6	
Jumlah	

Bahagian A [40 markah]

Jawab soalan 1 dan salah satu daripada soalan 2 atau 3 sahaja.

1.a. Apakah yang dimaksudkan dengan tenaga? [3]

.....

.....

.....

b. Jelaskan perbezaan antara tenaga eksogenik dengan tenaga endogenik dan aspek berikut: [4]

Fakta	Tenaga eksogenik	Tenaga Endogenik
Punca tenaga		
Proses yang terhasil		

c. Huraikan *dua* bukti bumi adalah berbentuk sfera (4m) [4]

- i.
-
-
-
- ii.
-
-
-

d. Huraikan dua komponen persekitaran fizikal bumi [4]

- i.
-
-
-

.....
.....
ii.

.....
.....
.....
.....
.....
.....

Jawab sama ada soalan 2 **atau** soalan 3 sahaja.

2.(a) Jelaskan kesan pergerakan bumi dalam sistem suria. (13m)

(b) Jelaskan bagaimana kejadian empat musim mempengaruhi aktiviti Manusia . (12m)

3(a)(i) Sejauhmanakah tenaga suria mempengaruhi proses geomorfologi di kawasan tropika lembap .?(13m)

(ii) Huraikan kepentingan 6 bentuk muka bumi hasil proses endogenik terhadap aktiviti manusia

atau

(b) (i) Sejauhmanakah faktor hujan menyebabkan proses luluhawa kimia giat berlaku di sesuatu kawasan. (13m)

(ii) Huraikan enam kepentingan hasil proses luluhawa terhadap aktiviti manusia .(12m)

NAMA : _____ KELAS : _____

Bahagian B: Alam Sekitar Manusia

(40 mrkah)

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan dalam ruangan yang disediakan.

4a) Apa yang dimaksudkan dengan pertumbuhan penduduk ? (3)

.....
.....
.....
.....

b) Jelaskan **tiga** faktor yang mempengaruhi peningkatan jangka hayat penduduk di Malaysia.

(6)

i.
.....
.....
.....

ii.
.....
.....
.....

iii.
.....
.....
.....

C. Huraikan **tiga** kesan penuaan penduduk terhadap sosioekonomi Malaysia.. (6)

- i.....
.....
.....
.....
- ii.....
.....
.....
.....
- iii.....
.....
.....
.....

Jawab sama ada soalan 5 atau 6.

5. (a) Jelaskan faktor yang mempengaruhi migrasi dalaman di Malaysia. [12]

(b) Bincangkan kesan negatif migrasi dalaman terhadap bandar-bandar utama di Malaysia.
[13]

6 (a)Jelaskan perubahan yang berlaku hasil pemodenan sosioekonomi desa. [12]

(b) Sejauhmanakah strategi perindustrian desa dapat membawa pembangunan kepada kawasan luar bandar di Malaysia. [13]

Cadangan jawapan

BAHAGIAN A :

Cadangan Jawapan

1(a) Keupayaan / daya/ kemampuan untuk melakukan/ menghasilkan / menjalankan sesuatu aktiviti / kerja / objek (3 m)

(b)

Fakta	Tenaga eksogenik	Tenaga Endogenik
Punca tenaga	-tenaga matahari / tenaga dari luar bumi	-tenaga dari dalam kerak bumi/ tenaga pergerakan plat
Proses yang terhasil	-menghasilkan proses eksogenik –proses luluhawa/ pergerakan jisim/ hakisan/ pengangkutan/ pemendapan	-menghasilkan proses endogenik – gempa bumi / letusan gunung berapi / lipatan/ gelinciran/ pergerakan plat / hanyutan benua

jawapan memerlukan kedua –dua tenaga / perbezaan – 2X2m

- C1 . Pelayaran kapal mengelilingi dunia
- C2 . Melihat kaki langit yang melengkung
- C3. Pengambilam gambar satelit
- C4. Kejadian gerhana bulan
- C5. Melihat pelayaran kapal di lautan menuju pelabuhan
- C6. Terbitnya matahari di sebelah timur dan matahari terbenam di barat

mana mana 2 X 2m

- D1. Litosfera
- D2 Atmosfera
- D3 Hidrosfera
- D4. Biosfera

mana mana 2X 2m

2 (a) Kesan putaran bumi

1. Kejadian siang dan malam
2. Kejadian pasang surut air laut
3. Pembiasan angina
4. Perbezaan waktu tempatan

Kesan peredaran bumi

1. Kejadian 4 musim
2. Kejadian gerhana bulan dan matahari
3. Perihelion dan aphelion
4. Perbezaan tempoh waktu siang dan malam

Kesan pergerakan bumi - kesan putaran bumi dan kesan peredaran bumi

2(b) Pengaruhi kejadian 4 musim terhadap aktiviti manusia

Fakta	Huraian
Musim Bunga	-suhu sederhana / salji mencair / mempunyai keadaan tanah yang sesuai untuk aktiviti pertanian -Mempunyai pelbagai bunga / pemandangan yang cantik untuk menjalankan aktiviti pelancongan
Musim Panas	-suhu tinggi dan sesuai untuk aktiviti pertanian -suhu tinggi dan panas sesuai untuk pertumbuhan rumput – aktiviti penternakan
Musim Luruh	-suhu sederhana dan mempunyai pemandangan cantik dan menarik – aktiviti pelancongan - bahangan matahari yang masih diterima – aktiviti penuaian hasil pertanian
Musim sejuk	-suhu rendah / permukaan salji – aktiviti pertanian tidak dapat dijalankan -suhu sejuk/ permukaan salji – aktiviti meluncur ais /aktiviti bersukan

4 X 3m

3(a) (i)

Faktor	Proses geomorfologi
Faktor tenaga suria 1. Penerimaan tenaga suria tinggi, suhu tinggi 2. Penerimaan tenaga suria kurang / suhu sejuk Penegasan Faktor Lain 3. Faktor Hujan 4. Faktor Litupan tumbuhan 5. Kecerunan 6. Jenis batuan 7. Gerakan tektonik 8. Tindakan haiwan 9. Aktiviti manusia	Luluhawa Pergerakan jisim Hakisan Pengangkutan Pemendapan Nota : Huraian perlu menunjukkan kesan terhadap proses geomorfologi sama ada meningkatkan / menggalakkan / mengurangkan
## mesti sekurang-kurangnya 1 faktor tenaga suria	

3(a)(ii)

BMB/ Fakta	Proses endogenik	Huraian / aktiviti manusia
Gunung Lipat	Lipatan	Pelancongan / pertanian
Tasik Kawah	Letusan gunung berapi	Pelancongan/ perikanan
Dataran lava	Letusan gunung berapi	Pertanian
Lurah gelinciran	Gelinciran	Pelancongan
Kolam air panas/ geiser	Letusan gunung berapi	Pelancongan
Gunung bongkah	Gelinciran	Pelancongan/ pertanian
Lurah/ lembah	Lipatan	Pertanian / petempatan

3(b)(i)

Faktor	Huraian
Faktor Hujan 1. Intensiti hujan/ keamatan hujan 2. Jumlah hujan 3. Tempoh hujan	Hujan lebat menyebabkan proses larutan giat berlaku / proses luluhawa kimia meningkat Jumlah hujan yang banyak sepanjang tahun menyebabkan proses luluhawa giat berlaku melalui proses larutan Tempoh hujan yang lama membekalkan jumlah air hujan yang banyak – meningkatkan proses larutan/ luluhawa kimia
Penegasan	
Faktor Lain 4. Suhu 5. Litupan tumbuhan 6. Jenis batuan 7. Tindakan haiwan 8. Masa	Suhu tinggi – meningkatkan proses tindakbalas kimia / menyebabkan luluhawa kimia giat berlaku Litupan tumbuhan banyak membekalkan banyak asid melalui pereputan daun dan dahan – menyebabkan luluhawa kimia giat berlaku Batuan lembut spt batu kapur lebih mudah mengalami luluhawa kimia / menyebabkan luluhawa kimia giat berlaku Haiwan yg hidup dalam tanah membuat lubang di dalam batuan menyebabkan giat berlaku apabila air hujan mengalir melalui lubang yg dihasilkan / haiwan membekalkan asid melalui kumuhan menyebabkan luluhawa kimia lebih mudah berlaku Tindak balas luluhawa kimia terhadap batuan memerlukan jangka masa yg lama. Semakin lama masa batuan

9. Aktiviti manusia ### Mesti sekurang kurangnya 1 faktor hujan	terdedah kepada agen luluhawa , semakin giat luluhawa berlaku
---	--

3(b)(ii)

Hasil proses luluhawa	Aktiviti manusia
1. Tanah liat 2. Gua batu kapur 3. Tanah laterit 4. Regolit 5. Humus 6. Sungai bawah tanah 7. Lubang layang layang 8. Stalakit, stalagmit 9. Inselberg 10. Tors Mana mana 6 X2m	Industri Kecil Sederhana / Pelancongan / Pertanian / Perikanan

BAHAGIAN B :

4a) Apa yang dimaksudkan dengan pertumbuhan penduduk ? (3)

Pertumbuhan penduduk merujuk kepada peratus perubahan penduduk(pertambahan/pengurangan/kekal)(1 m) pada skala ruang/Kawasan/wilayah (1 m) dan masa. (tempoh masa, tahun dll) (1 m)

4b) Jelaskan **tiga** faktor yang mempengaruhi peningkatan jangka hayat penduduk di Malaysia (6)

B1. Penurunan Kadar Kematian

- Penambahbaikan kesihatan kanak-kanak dan warga tua - Pertambahan kemudahan kesihatan moden (hospital, poliklinik, klinik desa)

b2. Kemajuan Perubatan Moden

- Kawalan penyakit kronik lebih berkesan -Pertambahan doktor pakar - Kemudahan hospital pakar - Program warga sihat

b3 Kawalan Penyakit Yang Efektif

- Pengurusan wabak seperti denggi, taun, SARS- Program pencegahan dan pembasmian penyakit

b4 Pemakanan Seimbang

- Program kesedaran diet seimbang -Pemakanan berzat untuk tingkatan sistem imun

b5 Gaya hidup / Kesedaran Kesihatan

- Pendidikan kesihatan - Galakan gaya hidup sihat -Pengurangan tabiat merokok

b6 Peningkatan Kualiti Hidup

- Pendapatan per kapita lebih tinggi -Tahap pendidikan meningkat - Sistem kebajikan sosial yang baik

b7 Persekitaran Kondusif

- Udara dan air bersih - Persekitaran kediaman yang bersih

B8 Kurangnya Bencana Alam

- Malaysia kurang terdedah kepada bencana seperti gempa bumi, tsunami, dan gunung berapi

B9. Kemudahan sosial

- Hospital swasta / awam, klinik kpg/desa, poliklinik, dispenseri, farmasi dll

- $3 \times 2m = 6m$

c) Huraikan **tiga** kesan penuaan penduduk terhadap sosioekonomi Malaysia.. (6)

Jawapan :

c1. Meningkatnya Golongan Profesional / pekerja sokongan

-Bilangan tenaga kerja profesional seperti doktor pakar, pensyarah dan jurutera semakin bertambah - Mereka lebih berpengalaman dan mahir dalam bidang masing-masing

- Warga emas yang masih sihat boleh bekerja sebagai pengawal keselamatan - Memberi peluang pekerjaan selepas bersara - Menambah pendapatan selepas pencen

c2. Ikatan Kekeluargaan yang Erat

-Hubungan antara ibu bapa dengan anak dan cucu terjalin dengan baik. - Mengekalkan nilai kekeluargaan dalam masyarakat

c3. Meningkatkan Perbelanjaan Kerajaan / Kos kerajaan meningkat

-Kerajaan perlu menyediakan lebih banyak infrastruktur / kemudahan kesihatan seperti hospital dan klinik- Keperluan membina dan menyelenggara rumah orang-orang tua- Peruntukan untuk alatan sokongan warga emas

c4. Nisbah tanggungan meningkat

- golongan dewasa / orang muda akan menyara hidup golongan tua.

c5. Beban Kerajaan Meningkat

- Perlu membayar pencen kepada pesara kerajaan - Pemberian bonus dan insentif kepada golongan pesara - Meningkatkan perbelanjaan mengurus kerajaan

c6. Nilai Murni Masyarakat Terhakis

-Fenomena menghantar ibu bapa ke rumah orang-orang tua semakin meningkat - Kurangnya tanggungjawab anak terhadap ibu bapa - Menjejaskan institusi kekeluargaan dalam masyarakat

C7. Kos rawatan meningkat

-semakin berusia semakin banyak penyakit.

$$3 \times 2m = 6m$$

5. (a) Jelaskan faktor yang mempengaruhi migrasi dalaman di Malaysia. [12]

a1 Ekonomi – perkembangan sektor perindustrian – menyediakan peluang pekerjaan

a2 Kemudahan pendidikan – peluang melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi (kemudahan sosial)

a3 Kemudahan asas – kemudahan pambandaran – pusat hiburan, pusat membeli belah.

a4 Dasar kerajaan – rancangan pembangunan wilayah – ECER, NCER, Wilayah Iskandar, bandar baru – menyediakan kemudahan asas dan peluang pekerjaan.

a5 Kemudahan pengangkutan – meningkatkan darjah ketersampaian

a6 Sumber alam – menyediakan peluang pekerjaan

a7 Hubungan kekeluargaan – perkahwinan

a8 Pertukaran tempat kerja/Persaraan

$6 \times 2m = 12m$

(b) Bincangkan kesan negatif migrasi dalaman terhadap bandar-bandar utama di Malaysia. [13]

Skema Pemarkahan

i Kesesakan di bandar – pertambahan penduduk – peluang pekerjaan

ii Meningkatkan pengangguran – pertambahan penduduk tidak seimbang dengan peluang pekerjaan.

iii Kewujudan kawasan setinggan – pertambahan penduduk – rumah tidak mencukupi – harga rumah mahal

iv Masalah sosial – peluang pekerjaan yang terhad – mencuri, pecah rumah, pelacuran

v Pencemaran sumber – pencemaran air, udara

vi Kesesakan Lalulintas – pertambahan bilangan kenderaan, kenderaan awam

vii Tekanan terhadap sumber tanah – pembangunan yang pesat – harga tanah mahal

viii Pertambahan golongan gelandangan

ix Peningkatan wabak penyakit - denggi

bx Kesimpulan

$6 \times 2m + 1m \text{ kesimpulan} = 13m$

Syarat membaca Kesimpulan :

- i) Calon jawab 6 isi
- ii) Jawapan calon betul 3 isi penuh X 2 m
- iii) Tidak mengulang

iv) Nilai murni / cadangan/harapan yang bernas .

6(a) Jelaskan perubahan yang berlaku hasil pemodenan sosioekonomi desa. [12]

a1. Perubahan Pekerjaan

- Peralihan pekerjaan dari sektor primer kepada sektor sekunder dan tertier
- Peningkatan penduduk yang bekerja dalam sektor bukan pertanian

a2. Perubahan Demografi

- Peningkatan migrasi masuk (dalaman dan luaran) disebabkan peluang ekonomi
- Pertambahan penduduk tua hasil daripada sistem sokongan kesihatan yang lebih baik

a3. Peningkatan Pembangunan Fizikal

- Pembinaan infrastruktur seperti jalan raya, perumahan, kompleks membeli belah
- Pembangunan kemudahan awam seperti hospital, klinik dan sekolah

a4. Peningkatan Kemudahsampaian

- Jaringan pengangkutan yang lebih baik. Pembinaan rangkaian jalan raya yang lebih baik
- Penambahbaikan sistem pengangkutan awam seperti perkhidmatan bas dan teksi

a5. Peningkatan Kualiti Hidup

- Pendapatan yang lebih tinggi dan pekerjaan yang lebih baik
- Kehidupan yang lebih selesa dengan perkhidmatan sokongan yang berkualiti

a6. Peningkatan Pendapatan

- Peningkatan kuasa beli penduduk
- Peningkatan dalam kemampuan untuk menabung

a7. Perubahan Gaya Hidup

- Peralihan dari gaya hidup tradisional kepada moden
- Perubahan corak kehidupan mengikut arus kemodenan

a8. Perubahan Taraf Hidup

- Peningkatan dalam standard kehidupan
- Kemampuan untuk menikmati kehidupan yang lebih berkualiti

a9. Peningkatan Aksesibiliti (Telekomunikasi)

- Contoh “Starlink” dapat diperkenalkan di pedalaman S & S. Pertambahan kemudahan perhubungan dan komunikasi
- Capaian maklumat dan internet yang lebih meluas

a10. Perubahan Ekonomi

- Peralihan dari ekonomi primer kepada sekunder dan tertier, cth : pertanian kepada perkhidmatan (pelancongan : inap desa dll)
- Kepelbagaian dalam aktiviti ekonomi

a11. Perubahan Taraf Kesihatan

- Peningkatan dalam kualiti penjagaan kesihatan
- Kemudahan perubatan yang semakin baik dan moden

$$6 \times 2m = 12m$$

b) (b) Sejauhmanakah strategi perindustrian desa dapat membawa pembangunan kepada kawasan luar bandar di Malaysia. [13]

Skema pemarkahan

b1 Perindustrian desa-serakan dan penyebaran industri ke desa-kilang dan zon perindustrian dibina-memajukan produk sumber yang ada di desa-IKS – peluang pekerjaan meningkat di luar bandar- pendapatan meningkat.

bx- Selain daripada itu / walau bagaimanapun / Justeru itu, terdapat juga strategi-strategi lain juga dapat membawa pembangunan kepada kawasan luar bandar di Malaysia.

b2 Program Pertanian Bersepadu (IADP) -program pembangunan tanah pertanian,memperkasakan kerjasama dan fungsi agensi seperti RISDA,FAMA,MARDI

b3 Pembangunan wilayah-menangani ketidakseimbangan pembangunan-peluang pekerjaan dan pendapatan kepada penduduk-sawit dan getah-dulu JENGKA,KESEDAR-kini mula fokus pada pelancongan dan perkhidmatan-Iskandar Malaysia,ECER,NCER,SCORE dan lain-lain

b4 Program pembangunan insitu

-penyediaan kemudahan asas,desa wawasan,MADA,KADA

-penyediaan infrastruktur bagi membangunkan sumber

b5 Pembandaran desa-mewujudkan bandar baharu di kawasan desa-memajukan bandar kecil sedia ada di kawasan desa agar proses pembangunan jadi seimbang-Nilai,Kerteh,Alor Gajah

b6 Transformasi Luar Bandar (RTC) -pengumpulan dan pemasaran hasil,perkhidmatan asas (bank,governan) bagi penduduk desa/pusat kesihatan

b7 Pusat pertumbuhan desa-kawasan desa yang berpotensi dibg dengan ciri bandar (internet)

b8 Pembangunan sosial-membina/menempatkan institusi di kawasan desa bagi mewujudkan limpahan pembangunan di kawasan desa tersebut-UITM,Kementerian,hospital
6 x 2m + 1m kesimpulan (bx : penegasan) = 13m